

Hubungan BN, MCA dan MIC masih baik – Wan Rosdy

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR | 10 Mac 2024, 4:34 pm



NAIB Presiden UMNO, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tengah) ketika Majlis Rumah Terbuka Sambutan Tahun Baru Cina MCA Negeri Pahang di Dewan Jubli Perak Majlis Daerah Raub di Raub hari ini.

RAUB – Hubungan baik Barisan Nasional (BN) bersama parti komponen akan terus dipertingkatkan bagi memastikan gabungan itu masih kekal relevan dalam usaha membela nasib rakyat.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, biarpun pelbagai fitnah dan persepsi bertebaran namun hubungan baik BN, MCA dan MIC masih teguh, logik dan relevan.

“Orang luar yang mainkan sentimen kata hubungan kita tak relevan, sedangkan mereka yang tidak relevan sebab tak pernah berkhidmat untuk rakyat.

“Pahang sendiri akan sentiasa memberi kerjasama dengan MCA dan kita harap kerjasama yang telah terjalin ini terus dipertingkatkan pada masa akan datang. Gabungan (BN-MCA) sudah memang baik, sekarang kita nak akrabkan lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Sambutan Tahun Baru Cina MCA Negeri Pahang di Dewan Jubli Perak Majlis Daerah Raub di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau yang juga Menteri Besar Pahang berkata, sentimen, persepsi dan fitnah banyak mengaburi setiap usaha yang dilakukan bagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

“Saya menyeru kepada rakyat supaya melihat prestasi sebagai contoh apa yang dilakukan Presiden MCA sendiri (Datuk Seri Ir Dr Wee KA Siong) termasuk ketika beliau memegang jawatan menteri. Beliau ubah laluan (ECRL) kembali pada asal selain wujudkan dua buah universiti dengan kos pengajian yang mampu dibayar rakyat,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE